



KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR

NAMA KURSUS : **PENGURUSAN PAMPASAN DAN FAEDAH**
KOD KURSUS : **DSM3203/DSM3143**
PEPERIKSAAN : **OKTOBER 2019**
MASA : **3 JAM**

ARAHAN KEPADA CALON


1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian:

BAHAGIAN A (60 Markah)
BAHAGIAN B (40 Markah)

 - i. Bahagian A mengandungi **ENAM (6)** soalan. Jawab **SEMUA** soalan dalam kertas jawapan.
 - ii. Bahagian B mengandungi **DUA (2)** soalan. Jawab **SEMUA** soalan dalam kertas jawapan.
2. Calon tidak di benarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperoleh untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 5 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN



BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **ENAM (6)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

a. Berikan **dua (2)** faktor organisasi dan **dua (2)** faktor pekerja yang mempengaruhi pengurusan pampasan dan faedah.

(4 markah)

b. Terangkan **tiga (3)** jenis pampasan kewangan tidak langsung.

(6 markah)

SOALAN 2

a. Jelaskan mana-mana **dua (2)** potongan gaji yang perlu mendapat persetujuan bertulis daripada pekerja dan kelulusan daripada Ketua Pengarah Tenaga Kerja.

(4 markah)

b. Terangkan **tiga (3)** cara untuk menentukan ekuiti luaran.

(6 markah)

SOALAN 3

a. Terangkan **dua (2)** ciri rancangan insentif yang berkesan.

(4 markah)

b. Jelaskan **dua (2)** rancangan insentif jangka masa pendek.

(6 markah)

SOALAN 4

a. Apakah definisi gaji menurut Akta Kerja 1955.

(2 markah)

b. Jelaskan **lima (5)** jenis faedah tidak berkanun.

(10 markah)

SOALAN 5

Terangkan secara ringkas, kekerapan bayaran gaji kepada pekerja mengikut Akta Pekerjaan 1955.

(8 markah)

SOALAN 6

a. Terangkan sistem pembayaran gaji menggunakan *Piece-rated System*.

(4 markah)

b. Jelaskan **tiga (3)** jenis faedah berkanun.

(6 markah)

[60 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan sahaja.

Jawab **SEMUA** soalan dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

- a. Cik Rossa merupakan seorang pekerja baharu di Syarikat Seri Khencana. Anda sebagai Pegawai Sumber Manusia diminta untuk memberi penerangan berkaitan cuti berbayar di bawah faedah berkanun yang diamalkan oleh Syarikat Seri Khencana kepada Cik Rossa.

(10 markah)

- b. Productivity Linked Wage System (PLWS) telah diperkenalkan pada tahun 1996 dan Kerajaan Malaysia menasarkkan sebanyak 85,000 buah syarikat akan menerima pakai PLWS menjelang tahun 2020 yang akan memberikan manfaat kepada 3.7 juta orang pekerja. Terangkan apakah faktor yang mempengaruhi kejayaan pelaksanaan Productivity Linked Wage System (PLWS) di Malaysia?

(10 markah)

SOALAN 2

- a. Syarikat Maju Expressway memerlukan seorang calon yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan sebagai Pegawai Pemasaran. Jawatan ini memerlukan pekerja bekerja setiap hari kecuali hari Sabtu dan Ahad dalam tempoh 8 jam sehari. Antara tanggungjawab sebagai Pegawai Pemasaran adalah merangka dan melaksanakan pelan strategik syarikat untuk memenuhi permintaan pelanggan.

Anda diminta untuk mencadangkan apakah sistem pengurusan gaji yang sesuai untuk jawatan Pegawai Pemasaran tersebut?

(10 markah)

- b. Frederick Herzberg menyatakan bahawa untuk memotivasikan pekerja adalah dengan menggunakan Teori Dua Faktor yang telah terbukti boleh mempengaruhi kepuasan pekerja terhadap pekerjaan yang dilakukan. Jelaskan **dua (2)** faktor yang terdapat dalam teori tersebut.

(10 markah)

[40 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT